

Insurans Kereta Sewaan Persendirian (e-Hailing) Lembaran Maklumat

1. Apakah itu insurans e-Hailing?

Insurans ini adalah sejenis insurans tambahan yang memberikan perlindungan daripada kerugian atau kerosakan pada kereta anda sendiri, liabiliti terhadap pihak ketiga, liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang yang membayar tambang, liabiliti penumpang yang membayar tambang di sisi undang-undang kerana kecuaiian dan perlindungan kemalangan peribadi bagi pemandu semasa menjalankan perkhidmatan e-Hailing.

2. Mengapakah saya memerlukan insurans e-Hailing?

Insurans e-Hailing meluaskan perlindungan kepada perkhidmatan e-Hailing, yang tidak dilindungi di bawah polisi komprehensif kereta persendirian anda. Pemandu e-Hailing berlesen juga diwajibkan di bawah undang-undang untuk mendapatkan insurans e-Hailing.

3. Apakah produk yang menyediakan perlindungan insurans e-Hailing?

Jika anda sudah mempunyai polisi komprehensif kereta persendirian dengan kami, anda boleh melanggan perlindungan insurans e-Hailing ini dengan membeli salah satu daripada endorsemen di bawah:

- i) Kereta Sewaan Persendirian
- ii) Kereta Sewaan Persendirian Grab

4. Apakah perbezaan antara Kereta Sewaan Persendirian dan Kereta Sewaan Persendirian Grab?

Jenis		Kereta Sewaan Persendirian	Kereta Sewaan Persendirian Grab
Tempoh Perlindungan		1 tahun	24 jam
Premium		RM750 (tidak termasuk cukai perkhidmatan)	Berkuat kuasa 1 April 2024: RM4.50 (tidak termasuk cukai perkhidmatan) Berkuat kuasa 1 Oktober 2024: RM5.66 (tidak termasuk cukai perkhidmatan)
Kaedah pembayaran		Premium tahunan	Premium harian
Pembelian pertengahan tempoh		Premium prorata	Tidak berkenaan
Pembatalan		Pulangan prorata	Tiada pembatalan dibenarkan
Pengendali dilindungi		Semua pengendali e-Hailing	Grab sahaja
Perlindungan	Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri		✓
	Liabiliti terhadap Pihak Ketiga		✓
	Liabiliti dari segi undang-undang terhadap Penumpang yang Membayar Tambang		✓
	Liabiliti Penumpang yang Membayar Tambang Di Sisi Undang-Undang kerana Kecuaian		✓
	Perlindungan Kemalangan Peribadi bagi Pemandu e-Hailing		Sehingga RM25,000

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur, Malaysia.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1300 888 990



customer@libertyinsurance.com.my



www.libertyinsurance.com.my

5. Bagaimana saya membeli insurans e-Hailing?

- i) Kereta Sewaan Persendirian – Sila rujuk kepada cawangan atau perantara kami untuk endorsmen ini
- ii) Kereta Sewaan Persendirian Grab – Sila rujuk kepada Grab kerana endorsmen ini hanya boleh dibeli menerusi aplikasi pemandu Grab.

6. Apakah yang patut saya ketahui apabila membuat tuntutan?

- Hubungi kami menerusi talian terus tuntutan di 1300 888 990 untuk mendapatkan bantuan tuntutan; atau
- Cari bengkel panel kami menerusi laman web kami di www.libertyinsurance.com.my

7. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila rujuk kepada cawangan dan perantara kami, atau hubungi kami di:

Talian bebas tol: 1300 888 990 E-mel: customer@libertyinsurance.com.my

Laman web: www.libertyinsurance.com.my

NOTA PENTING: ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS SEBELUM ANDA MEMBELI PERLINDUNGAN INSURANS E-HAILING INI.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada 01 April 2024.